KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	18.04.22	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	PERHILITAN			

PELAJAR TAHFIZ CEDERA

Van terbabas elak musang

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Rembau

Van membawa 18 pelajar tahfiz terbabas di Kilometer 16, Jalan Seremban-Tampin, dekat sini, awal pagi semalam selepas pemandunya cuba mengelak daripada terlanggar musang.

Kejadian kira-kira jam 2.50 pagi itu menyebabkan seorang pelajar patah tangan dan seorang cedera pada mulut manakala yang lain hanya dirawat sebagai pesakit luar.

Ketua Polis Daerah Rembau, Deputi Superintendan Hazri Mohamad berkata, pemandu van berkenaan terbabas ketika cuba mengelak musang ketika melalui jalan berkenaan sebelum kenderaan itu terbabas ke bahu jalan.

"Siasatan awal mendapati kemalangan berlaku ketika sebuah van yang membawa 18 pelajar tahfiz dari sebuah madrasah di daerah ini dalam perjalanan dari Seremban menghala ke Tampin.

"Apabila tiba di lokasi kejadian, van yang dipandu seorang lelaki berusia 26 tahun hilang kawalan dan terbabas ke kiri jalan akibat cuba mengelak musang yang melintas jalan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, akibat kemalangan itu, pemandu mengalami kecederaan ringan pada jari kiri manakala seorang pelajar berusia 13 tahun patah tangan kanan.

"Seorang lagi pelajar berusia 16 tahun mengalami kecederaan pada gusi dan mulut. Kedua-dua pelajar yang cedera ini kini dirawat di zon kuning Hospital Rembau dan pemandu juga dirawat di hospital sama.

"Seramai sembilan pelajar yang mengalami luka ringan dirawat sebagai pesakit luar di Hospital Rembau, manakala lain-lain pelajar tidak mengalami sebarang kecederaan.

"Keadaan ketika kejadian adalah cuaca baik, gelap berlampu, jalan kering dan berturap. Siasatan masih diteruskan mengikut Seksyen 43 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987," katanya.